

29 MAY 2002

Mahathir-Meritokrasi/I

KERAJAAN TETAP DENGAN SISTEM MERITOKRASI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan tetap dengan sistem meritokrasi bagi pemilihan penuntut ke universiti awam, sekurang-kurangnya untuk tahun ini.

Beliau berkata Kabinet, pada mesyuarat mingguannya hari ini, membuat keputusan tidak akan menarik balik keputusannya mengenai pelaksanaan sistem meritokrasi itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres FIABCI Sedunia 2002 di sini hari ini, beliau berkata bagaimanapun akan terdapat kes-kes tertentu yang memerlukan pertimbangan yang khusus.

Dr Mahathir berkata semua kaum mempunyai pelajar yang berkelayakan untuk mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi tetapi oleh kerana bilangan tempat terhad, sesetengahnya tidak dapat diterima.

"Kita sudah bersetuju dan kita memutuskan untuk melakukan sesuatu, dan apabila hasilnya tidak seperti jangkaan kita, kita tidak sewajarnya selepas itu berkata: 'Saya tidak suka dengan apa yang sedang dilakukan'."

Dr Mahathir berkata apabila kerajaan memutuskan untuk mengubah sistem berasaskan kuota kepada yang berasaskan merit, bilangan pelajar bumiputera yang akan diterima masuk ke universiti awam dijangka akan berkurangan dengan banyaknya.

Bagaimanapun apa yang berlaku adalah sebaliknya, lebih banyak pelajar bumiputera mendapat tempat manakala tempat pelajar bukan bumiputera pula semakin kurang, kata beliau.

"Memanglah sekarang mereka kata itu tidak adil. Mereka sepatutnya membantah sebelum ini, tetapi tidak ada pihak yang membantah ketika itu," katanya.

-- BERNAMA

MAD MFJ NMO